

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN]

TARIKH : 02 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan yang kini sudah melebihi paras RM1.3 trilion atau 83.7% KDNK negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga akhir Jun 2021, hutang Kerajaan Persekutuan mencatat 958.4 bilion ringgit atau 63.3% berbanding KDNK. Daripada jumlah ini, hutang statutori berjumlah 890.7 bilion ringgit atau 58.8% berbanding KDNK, iaitu masih di bawah had statutori 60% KDNK. Selain daripada hutang Kerajaan Persekutuan, Kerajaan juga menanggung komitmen lain termasuk komitmen jaminan, iaitu hutang syarikat berkaitan Kerajaan yang dijamin dan diberi peruntukan untuk pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur dan utiliti awam. Ini termasuklah hutang syarikat 1Malaysia Development Berhad (atau 1MDB) serta liabiliti kewangan lain yang meliputi projek kerjasama awam swasta (atau PPP) dan projek di bawah inisiatif pembiayaan swasta (atau PFI) dan PBLT Sdn. Bhd.. Secara keseluruhannya, kedudukan pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan pada akhir Jun 2021 dianggarkan berjumlah 1.3 trillion ringgit atau 88.1% berbanding KDNK.

Antara faktor peningkatan pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan adalah disebabkan terutamanya oleh pertambahan hutang Kerajaan bagi menampung langkah rangsangan ekonomi untuk menangani kesan krisis pandemik COVID-19. Sementara itu, komitmen jaminan mencatatkan sedikit peningkatan kepada 190.4 bilion ringgit, terutamanya berikutan tambahan jaminan hutang syarikat seperti Danalinfra dan Malaysia Rail Link yang melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam. Baki hutang prinsipal 1MDB kekal sekitar 32 bilion ringgit manakala liabiliti kewangan lain yang merangkumi komitmen kewangan projek PPP, PFI dan PBLT dianggarkan berjumlah 152.9 bilion ringgit pada akhir Jun 2021.

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, Kerajaan masih dapat memenuhi semua obligasi pembayaran hutangnya. Kerajaan akan menumpukan usaha kepada langkah memperbaiki kedudukan fiskal dan hutang negara bagi mengawal pendedahan hutang dan liabiliti berkenaan hanya setelah ekonomi pulih dan stabil daripada krisis. Ini adalah untuk memastikan

momentum pemulihan ekonomi tidak terjejas dan golongan yang memerlukan masih terus menerima bantuan.

Dalam tempoh jangka sederhana, Kerajaan akan melaksanakan semula langkah konsolidasi dan inisiatif pengukuhan fiskal, termasuk mengkaji dan menambah baik sistem percukaian sedia ada, memperluas asas hasil, menambah baik pentadbiran cukai, meningkatkan kecekapan perbelanjaan serta penggubalan Akta Tanggungjawab Fiskal bagi mengukuhkan tadbir urus dan disiplin fiskal. Oleh yang demikian, keperluan pinjaman Kerajaan akan dapat dikurangkan dan seterusnya mengawal paras hutang negara. Dalam hal ini, Kerajaan kekal komited terhadap konsolidasi fiskal dalam jangka sederhana, seperti yang digariskan bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas dengan defisit fiskal disasarkan berkurang kepada 3.5% berbanding KDNK menjelang 2025.

Secara amnya, bagi mengawal jaminan Kerajaan, ia akan hanya diberikan ke atas pinjaman yang dibuat oleh syarikat berkaitan Kerajaan, badan berkanun dan anak syarikat kerajaan negeri. Tujuan jaminan Kerajaan adalah untuk melaksanakan projek-projek strategik negara yang berimpak tinggi dan memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhan. Di samping itu, bagi mengurangkan risiko liabiliti luar jangka dan memelihara kepentingan Kerajaan, Kerajaan juga telah memperkemaskan terma dan syarat jaminan Kerajaan seperti mengenakan fi jaminan dan syarat debentur ke atas syarikat yang dijamin serta melantik *monitoring accountant*, dengan izin, untuk memantau penggunaan dana pemberian yang dijamin Kerajaan. Kerajaan juga sentiasa memantau kedudukan kewangan syarikat dijamin berkenaan dan memastikan pelan pemulihan syarikat terbabit dapat dilaksanakan bagi mengurangkan pendedahan risiko kepada Kerajaan.

Bagi tujuan pelunasan hutang 1MDB, Kerajaan sedang giat melaksanakan aktiviti pemulihan aset 1MDB bagi mendapatkan semula dana yang telah diseleweng. Aktiviti pemulihan aset ini merupakan proses yang rumit dan boleh memakan masa bertahun lamanya. Ini kerana ia bukan sahaja melibatkan kerjasama antara beberapa agensi tempatan dengan agensi asing daripada pelbagai negara, malahan ia turut

melibatkan proses perundangan di mahkamah dan proses rundingan penyelesaian. Setakat September 2021, Kerajaan telah berjaya mendapat semula sejumlah aset 1MDB bernilai 18.2 billion ringgit melalui proses tersebut.

Dalam usaha mengawal paras liabiliti kewangan lain pula, Kerajaan masih menyediakan peruntukan tahunan bagi menyelesaikan komitmen kewangan tersebut. Di samping itu, tiada lagi tambahan pinjaman akan diberikan kepada projek PFI dan PBLT. Bagi projek PPP, Kerajaan sedang dalam usaha untuk merangka model PPP ketiga baharu yang memberi tumpuan kepada projek pembangunan yang dapat dilaksanakan tanpa melibatkan komitmen kewangan daripada Kerajaan.

Sekian, terima kasih.